

PENGURUSAN KONFLIK DI KALANGAN PENDIDIK

HASZMINY BT MAT



114724

114724

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

NOVEMBER 1999

ABSTRAK

Konflik merupakan fenomena semulajadi yang dialami oleh setiap individu yang berinteraksi dan berkomunikasi dengan individu lain. Amalan komunikasi dalam organisasi pendidikan yang tidak berkesan merupakan satu punca berlakunya konflik di kalangan pendidik. Kajian ini dijalankan bertujuan melihat hubungan di antara ciri-ciri demografi dengan gaya pengurusan konflik dan amalan komunikasi dalam organisasi serta hubungan di antara 4 dimensi amalan komunikasi dalam organisasi dengan 5 gaya pengurusan konflik. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini dijalankan ke atas guru-guru di 14 buah sekolah menengah di Daerah Pasir Mas, Kelantan. Seramai 274 orang responden telah dipilih secara rawak dengan menggunakan **Kaedah Proportionate Stratified Random Sampling**. Seramai 240 orang responden yang memberi maklumbalas berdasarkan soal selidik yang berjaya dipungut juga mewakili 87.59% daripada keseluruhan responden. Soal selidik yang digunakan mengandungi 58 item, iaitu 5 item ciri-ciri demografi, 25 item gaya pengurusan konflik yang diadaptasi daripada **Thomas-Kilmann Conflict Mode Instrument (TKCMI)** dan 28 item amalan komunikasi dalam organisasi yang disesuaikan dengan pendapat **Smeltzer**. Dua jenis statistik yang digunakan iaitu statistik deskriptif untuk mendapatkan jumlah skor, min, sisihan piawai dan peratus dan statistik inferensi untuk pengujian hipotesis iaitu menggunakan ujian-t, ANOVA (Satu hala) dan Korelasi Pearson. Analisis deskriptif menunjukkan min pengurusan konflik gaya kolaborasi paling popular dan min gaya persaingan paling kurang. Dapatan daripada pengujian hipotesis didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina, umur, status perkahwinan, taraf pendidikan akademik dan tempoh perkhidmatan dengan gaya pengurusan konflik. Manakala terdapat perbezaan faktor jantina, umur dan tempoh perkhidmatan dengan amalan komunikasi dalam organisasi. Hasil analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan komunikasi dalam organisasi dengan gaya pengurusan konflik di kalangan pendidik di sekolah menengah di Daerah Pasir Mas.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Pendidikan merupakan nadi penggerak untuk menjayakan ilmu pengetahuan, ketrampilan dan nilai-nilai yang boleh membawa manusia sejagat ke satu tahap peradaban yang lebih tinggi. Peningkatan kuasa minda perlu berlaku supaya sumber manusia terus menjadi faktor utama dalam menggerakkan peradaban lain.

Organisasi sekolah merupakan asas kepada kesinambungan era-era dalam peradaban sejagat telah direncanakan untuk menghasilkan sumber manusia yang berkemampuan bagi menerajui pelbagai aktiviti dalam semua aspek. Ia juga mempunyai visi dan misi untuk mengubah manusia sejajar dengan keperluan dan tuntutan semasa. Oleh itu telah menjadi tugas dan tanggungjawab pendidik sebagai

pengembang potensi yang ada pada setiap individu untuk memenuhi cita-cita itu.

Pada umumnya, sekolah merupakan sebuah institusi atau organisasi formal yang dapat membentuk masyarakat menjadi seorang insan yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti tinggi. Dalam konteks sekarang, sekolah bukan hanya sebagai penyalur ilmu pengetahuan tetapi sebagai agen berlakunya proses sosialisasi. Peranan utama sekolah untuk memberikan pendidikan yang sempurna dan seimbang dari segi JERI iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek untuk melahirkan generasi yang cemerlang pada masa depan.

Pengurusan sekolah pada masa kini amat kompleks kerana menghadapi pelbagai masalah dan konflik di kalangan kakitangannya. Para pendidik telah diberi mandat untuk membawa satu wardah ke arah merealisasikan wawasan pendidikan dan wawasan 2020. Sehubungan dengan itu, ciri-ciri kepincangan yang terdapat di dalam organisasi sekolah perlu dihindari segera. Strategi Wawasan 2020 menekankan pembangunan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu di antara keperluan rohani, jasmani, emosi dan intelektual.

Persediaan menghadapi cabaran era teknologi maklumat yang semakin canggih yang dapat menukarkan dunia menjadi *global village*

dengan pengertian bahawa dunia tanpa sempadan. Untuk memikul tanggungjawab yang semakin mencabar ini para pendidik tidak dapat lari daripada konflik. Oleh itu, para pendidik sebagai nadi penggerak sistem pendidikan memerlukan pedoman yang jelas agar wawasan pendidikan tercapai selaras dengan Wawasan 2020.

Selaras dengan perkembangan masyarakat dunia, rakyat Malaysia juga mengalami proses perkembangan yang pesat dan mencabar. Oleh itu sistem pendidikan negara terpaksa menerima cabaran ini sebab proses perkembangan sesuatu masyarakat sering kali dikaitkan secara langsung dengan sistem pendidikannya.

Dalam konteks pendidikan yang luas, matlamat pendidikan bukan sahaja berorientasikan masyarakat bahkan ditujukan ke arah pembinaan tradisi keilmuan, mencari kebenaran, keadilan dan kebersihan dalam masyarakat. Inilah nilai-nilai hidup yang harus dibina menerusi pendidikan, andainya kita benar-benar mahu membina manusia. Cabaran dan pendidikan masa akan datang adalah ke arah melahirkan manusia yang yakin dan patuh kepada agama, berilmu, berakhlak, bertanggungjawab dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara (Intan, 1991).